



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : MEMBINA MAHASISWA GLOBAL, TERAS KEPIMPINAN MASA DEPAN

SUMBER : BERNAMA - 20 JULAI 2026

Membina Mahasiswa Global, Teras Kepimpinan Masa Depan



20/07/2026 09:44 AM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : MEMBINA MAHASISWA GLOBAL, TERAS KEPIMPINAN MASA DEPAN

SUMBER : BERNAMA - 20 JULAI 2026

Oleh Prof Ts Dr Abdul Rasid Abdul Razzaq dan Dr Anim Zalina Azizan

Dalam era dunia tanpa sempadan hari ini, konsep kemenjadian mahasiswa tidak lagi boleh diukur sekadar pencapaian akademik yang cemerlang atau keaktifan dalam kegiatan kampus semata-mata.

Sebaliknya, mahasiswa masa kini perlu tampil sebagai generasi yang mempunyai sifat global, berfikiran terbuka, dan mampu menyesuaikan diri dengan dinamik dunia antarabangsa.

Mereka bukan sahaja perlu bijak dalam ilmu, tetapi juga mempunyai nilai kemanusiaan sejagat, kemahiran antara budaya, serta kefahaman terhadap isu-isu global yang mempengaruhi masa depan dunia.

Kemenjadian belia atau mahasiswa bertaraf global bukanlah sekadar cita-cita idealistik, sebaliknya suatu keperluan strategik negara dalam menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0, perubahan iklim, dan ketidaktentuan ekonomi global.

Justeru, pelbagai inisiatif oleh kerajaan, institusi pendidikan tinggi dan pertubuhan belia kini dirancang bagi memperkukuh sifat pengantarabangsaan dalam diri mahasiswa Malaysia.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : MEMBINA MAHASISWA GLOBAL, TERAS KEPIMPINAN MASA DEPAN

SUMBER : BERNAMA - 20 JULAI 2026

Kemenjadian mahasiswa dalam konteks global

Kemenjadian mahasiswa bermaksud proses membentuk individu yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan sosial.

Namun dalam konteks globalisasi, dimensi baharu turut diberi perhatian iaitu kemampuan mahasiswa untuk berinteraksi dan bersaing di pentas antarabangsa.

Ini termasuklah kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa, memahami norma serta budaya pelbagai bangsa, dan berupaya menjadi duta kecil yang membawa nama baik negara.

Mahasiswa dengan minda global juga dilihat sebagai global citizen atau warganegara dunia yang peka terhadap isu kemanusiaan seperti keamanan, keadilan sosial, kelestarian alam sekitar dan kemiskinan sejagat.

Mereka bukan sekadar berfikir untuk kepentingan diri atau negara, tetapi turut mengambil berat tentang kesejahteraan manusia sejagat.

Nilai-nilai ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan kemanusiaan, ihsan, dan keterangkuman sebagai asas pembangunan negara.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : MEMBINA MAHASISWA GLOBAL, TERAS KEPIMPINAN MASA DEPAN

SUMBER : BERNAMA - 20 JULAI 2026

Peranan institusi pengajian tinggi (IPT)

Institusi pengajian tinggi merupakan landasan utama melahirkan mahasiswa bertaraf global. Universiti kini bukan lagi sekadar tempat menuntut ilmu, tetapi juga menjadi pusat pembentukan kepimpinan dan pembangunan sahsiah antarabangsa.

Melalui pelbagai program mobiliti pelajar, pertukaran akademik dan kolaborasi penyelidikan antarabangsa, mahasiswa diberi peluang menimba pengalaman di luar negara serta berinteraksi dengan pelajar dari pelbagai latar belakang budaya.

Sebagai contoh, pelaksanaan Program iFuture anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) membuka ruang kepada mahasiswa Malaysia untuk bersaing secara global.

Program ini memperkukuh kompetensi antarabangsa seperti global mindset, kemahiran komunikasi lintas budaya, serta keupayaan berfikir secara kritikal dan kreatif.

Universiti turut memainkan peranan memperluas jalinan antarabangsa melalui MoU dan MoA dengan institusi pendidikan serta industri luar negara, bagi menjamin peluang pendedahan global yang berterusan kepada mahasiswa.

Selain itu, kursus dan aktiviti kokurikulum juga mula diberi nafas baharu dengan memasukkan elemen antarabangsa seperti debat global, simulasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN Model), dan program khidmat masyarakat antarabangsa.

Semua ini memberi ruang kepada mahasiswa untuk memahami realiti dunia serta membina jaringan antarabangsa yang berguna untuk masa depan mereka.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : MEMBINA MAHASISWA GLOBAL, TERAS KEPIMPINAN MASA DEPAN

SUMBER : BERNAMA - 20 JULAI 2026

Kepimpinan global dan literasi antarabangsa

Untuk menjadi mahasiswa bertaraf global, seseorang perlu memiliki ciri-ciri kepimpinan sejagat yang berpaksikan nilai kemanusiaan dan integriti.

Pemimpin global tidak hanya menguasai kemahiran teknikal, tetapi juga mampu mempengaruhi perubahan positif dalam masyarakat pelbagai budaya.

Oleh itu, pendidikan tinggi di Malaysia kini menumpukan perhatian kepada pembangunan kepimpinan berasaskan nilai (value-based leadership) yang menyeimbangkan antara kompetensi dan karakter.

Kementerian Pendidikan Tinggi melalui pelan strategik kebolehpasaran graduan turut menekankan pembangunan literasi global iaitu keupayaan memahami dan bertindak balas terhadap cabaran global dengan ilmu, empati, dan pemikiran kritikal.

Ini termasuk kefahaman terhadap dasar luar negara, perubahan geopolitik, teknologi disruptif, serta ekonomi digital yang membentuk landskap dunia kerja masa kini.

Program seperti *Global Learning Experience* (GLE) dan *Mobiliti Virtual* turut diperkenalkan bagi memastikan semua mahasiswa, termasuk yang tidak berpeluang ke luar negara, tetap dapat menikmati pengalaman antarabangsa melalui platform digital.

Pendekatan ini bukan sahaja inklusif, tetapi juga menepati keperluan era pasca-pandemik yang menuntut adaptasi teknologi dalam pembelajaran dan jaringan antarabangsa.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : MEMBINA MAHASISWA GLOBAL, TERAS KEPIMPINAN MASA DEPAN

SUMBER : BERNAMA - 20 JULAI 2026

Belia Malaysia sebagai duta negara

Belia Malaysia sering dianggap sebagai aset terpenting negara yang merupakan pembawa identiti bangsa di mata dunia.

Apabila mahasiswa Malaysia terlibat dalam program pertukaran pelajar, pertandingan inovasi antarabangsa atau forum belia dunia, mereka sebenarnya memainkan peranan sebagai duta kecil negara.

Keberanian mereka mengemukakan pandangan, idea dan inovasi menunjukkan bahawa Malaysia mampu bersaing dalam ekosistem global yang kompetitif.

Contohnya, penyertaan mahasiswa Malaysia dalam program seperti ASEAN Youth Exchange, The AFS Youth Assembly, dan AIESEC Global Volunteer telah membuktikan kemampuan mereka untuk berinteraksi dengan masyarakat antarabangsa sambil memperkenalkan budaya Malaysia yang kaya dengan nilai toleransi dan perpaduan.

Kejayaan ini turut membentuk imej positif Malaysia sebagai negara yang progresif dan berdaya saing di peringkat global.

Ke arah generasi mahasiswa MADANI global

Kemenjadian mahasiswa bertaraf global bukan sahaja untuk memenuhi keperluan pasaran kerja antarabangsa, tetapi juga sebagai pelaburan jangka panjang negara dalam membina masa depan yang lestari.

Mahasiswa dengan sifat global akan menjadi pemimpin masa depan yang mampu berfikir melangkaui batas sempadan, memacu inovasi dan membina hubungan strategik antara bangsa.

Usaha ini memerlukan kerjasama erat antara kerajaan, universiti, industri dan komuniti antarabangsa.

Program latihan industri antarabangsa, projek komuniti rentas negara dan penyelidikan bersama luar negara wajar diperkasa agar pengalaman antarabangsa bukan lagi satu pilihan, tetapi sebahagian daripada budaya pembelajaran di universiti.

Seperti yang sering ditekankan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, kemenjadian mahasiswa masa kini harus bersifat glokal iaitu berfikir secara global, namun tetap berpijak di bumi sendiri.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : MEMBINA MAHASISWA GLOBAL, TERAS KEPIMPINAN MASA DEPAN

SUMBER : BERNAMA - 20 JULAI 2026

Mahasiswa perlu membawa nilai budaya tempatan yang luhur, sambil mempelajari nilai sejagat yang mendukung keamanan dan kemajuan bersama.

Dalam dunia yang semakin kompleks dan saling bergantung, mahasiswa dengan sifat global merupakan harapan untuk menjamin kesinambungan pembangunan negara.

Mereka ialah jambatan antara Malaysia dan dunia luar dengan membawa ilmu, inovasi dan nilai kemanusiaan ke pentas antarabangsa.

Oleh itu, menjadi mahasiswa bertaraf global bukanlah sekadar memiliki sijil atau kelulusan, tetapi tentang bagaimana seseorang itu mampu memberi impak kepada dunia melalui pengetahuan, sikap, dan tindakan yang berasaskan nilai sejagat.

Inilah wajah sebenar kemenjadian mahasiswa Malaysia yang kita dambakan iaitu melahirkan generasi pemimpin masa depan yang berjiwa besar, berpikiran global, dan berjiwa MADANI.

-- BERNAMA